

BAB KEDUA

ANALISIS KRITIKAL TERHADAP PERUNTUKAN CERAI TA'LIQ DI MALAYSIA

Pendahuluan

3

Kewujudan peruntukan cerai ta'liq dalam Enakman Keluarga Islam di Malaysia mempunyai latar belakangnya yang tersendiri. Sebelum peruntukan ini dipakai, timbul pelbagai masalah keluargaan khususnya masalah perceraian. Perempuan-perempuan yang berkahwin adakalanya ditinggalkan oleh suami-suami mereka berbulan-bulan, malah bertahun-tahun lamanya tanpa sebarang nafkah. Adakalanya pula isteri-isteri itu dipukul, disiksa dan adakalanya pula suami-suami menceraikan isteri-isteri semata-mata untuk menyeksanya. Apabila hampir iddahnya maka dirujuk semula, selepas dirujuk diceraikan pula dan berbagai-bagai lagi.

Oleh kerana perkara-perkara tersebut sukar diselesaikan dan datang berbagai-bagai pengaduan kepada pihak berkenaan, maka timbulah cadangan dari pihak berkuasa Islam untuk menguatkuasakan peruntukan cerai ta'liq.¹ Setiap lelaki yang berkahwin hendaklah berta'liq talak. Apabila ta'liq telah dilafazkan, maka mereka boleh menyelesaikan masalah-masalah yang timbul seperti tidak memberi nafkah isteri yang ditinggalkan atau yang diseksa oleh suami dan sebagainya dengan menjatuhkan talak berdasarkan syarat-syarat ta'liq itu. Misalnya apabila suami telah berta'liq “setiap kali saya tidak memberi nafkah kepada isteri saya sebulan atau lebih lalu tidak sabar ia mengadu ia kepada kadi dan apabila sabit, maka tertalaklah isteri saya satu talak.” Dalam ta'liq seperti ini,

apabila terhenti nafkah selama sebulan dan pengaduan dibuat kepada kadi sehingga sabit di sisi kadi, tertalaklah isteri satu talak.

Peruntukan yang dibuat bertujuan untuk menjaga kedudukan isteri agar tidak teraniaya, kerana kaum lelaki yang bergelar suami tidak boleh mengabaikan nafkahnya kepada isteri dan suami tidak akan meninggalkan atau mendera isteri. Namun di sebalik permasalahan tersebut akan timbul permasalahan lain iaitu apakah benar ia menjaga kemaslahatan isteri? Sekiranya isteri benar-benar mengadu kepada kadi dan sabit perceraian. Apakah dapat menyelesaikan masalah, iaitu masalah tidak memberi nafkah dan sebagainya. Tidakkah dengan perceraian itu akan memberi beban baru yang lebih merumitkan dan menyeksa kaum wanita. Kerana wanita sememangnya ngeri dengan perceraian kerana apa yang biasa berlaku masalah selepas perceraian lebih menyeksakan bagi kebanyakan wanita.

Walau bagaimana pun, peruntukan ta'liq ini dikuatkuasakan untuk memberi perlindungan undang-undang kepada kaum wanita untuk mendapat pembelaan daripada mahkamah bagi masalah-masalah yang dihadapi oleh mereka. Sekiranya peruntukan tersebut tidak wujud, sesetengah wanita akan berasa "teraniaya" terutamanya bagi mereka yang tidak ada jalan keluar yang lain kerana pihak mahkamah tidak boleh bertindak menyelesaikan masalah yang mereka hadapi.

2.1 Kepentingan Kewujudan Peruntukan Cerai Ta'liq dalam Undang-undang

Pada asalnya mengikut hukum syarak memang ada kepentingan bagi suami melafazkan ta'liq kepada isteri. Ia merupakan satu cara menceraikan isteri secara sopan. Sama ada bertujuan untuk memberi pengajaran atau menyedarkan isteri atau untuk menghukum isteri yang ingkar arahan suami atau tidak mentaati suami. Ini memang bertepatan dengan dengan kes-kes ta'liq persendirian atau ta'liq lisan sepetimana yang berlaku di mahkamah-mahkamah sekarang.

Secara umumnya, lafaz ta'liq yang berlaku sekarang menampakkan suatu unsur paksaan ke atas suami kerana mereka tidak pernah meminta untuk berta'liq. Mengikut pemikiran secara logik seorang suami yang baru melafazkan akad nikah, belum lagi bersekedudukan dengan isteri, belum mencuba untuk hidup bersama dalam sebuah rumah tangga tentulah tidak berhajat untuk melafazkan ucapan cerai kepada isterinya dengan cara ta'liq. Lain pula kalau sudah berumahtangga dan sudah mengenali dengan lebih mendalam antara satu sama lain, nescaya akan lahir kepentingan untuk berta'liq untuk lebih menjamin kesinambungan hidup bagi mengukuhkan hubungan suami isteri. Hal ini menunjukkan seolah-olah tidak wujud kepentingan ta'liq bagi pihak suami sepetimana yang berlaku dalam upacara akad nikah bagi pasangan yang berkahwin di negara ini.

Namun bagi sesetengah suami yang sudah mempunyai kesedaran dan kefahaman yang jelas tentang risiko disebalik lafaz ta'liq tersebut, ia akan menjadi satu panduan atau batasan dalam melaksanakan tanggungjawabnya dengan

sempurna terhadap isteri dalam kehidupan berumahtangga. Untuk melahirkan kefahaman dan kesedaran sebegini perlu diberi penjelasan kepada pasangan pengantin sebelum berkahwin sama ada oleh imam yang menikahkan atau diadakan sesi kursus sebelum perkahwinan.

3

Keseluruhan negeri di Semenanjung Malaysia antara lain menetapkan syarat-syarat ta'liq seperti tidak meninggalkan isteri tanpa memberi nafkah selama tempoh tertentu iaitu antara sebulan hingga enam bulan.² Ta'liq ini pada lahirnya menampakkan tujuan murni menjaga kepentingan isteri supaya tidak ditinggalkan suaminya tanpa memberi nafkah. Apa yang berlaku masih juga terdapat para suami yang meninggalkan isteri dan melanggar ta'liq yang pernah dilafazkan.

Tidak dapat dinafikan juga bagi kebanyakan isteri, peruntukan cerai ta'liq telah membuka jalan kepada mereka untuk melepaskan diri dari penganiayaan oleh suami yang tidak mematuhi syarat-syarat ta'liq yang pernah dilafazkannya. Memandangkan keadaan masyarakat Islam sekarang, kebanyakannya tidak mempunyai pegangan agama yang kukuh dan kefahaman Islam yang tipis, kepentingan kaum isteri perlu dititik beratkan. Berpunca dari kurangnya penghayatan terhadap hak dan tanggungjawab mengakibatkan berlakunya kejadian-kejadian penderaan suami terhadap isteri.

Berasaskan matlamat menjaga kepentingan kaum isteri, maka pihak penguatkuasa perundangan Islam telah memikirkan satu cara yang terbaik menuju ke arah itu. Iaitu melalui penguatkuasaan undang-undang ta'liq. Ini telah dijelaskan oleh Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Kota Bharu iaitu Tn.Hj.

Muhamad Lutpi bin Hj. Nor.³ Beliau menegaskan bahawa tidak menjadi kesalahan di sisi syarak menetapkan suatu peraturan ta'liq ke atas suami dengan tujuan menjaga kemaslahatan isteri agar tidak teraniaya memandangkan keadaan sekarang ramai suami yang tidak dapat melaksanakan tanggungjawab sebagaimana yang dikehendaki oleh syarak. Dalam hal ini kaedah fiqh yang dipakai adalah kaedah *sad al-Dharā'i*⁴ iaitu mengelak dari berlaku keburukan dan juga kaedah;⁵

تَصْرِيفُ الْإِمَامِ عَلَى الرُّعْيَةِ مُتَوَطِّلًا بِالْمُصلَحَةِ

Bermaksud:

Tindakan yang dijalankan oleh pemerintah terhadap rakyat hendaklah mengambil kira maslahah.

2.2 Lafaz-lafaz Ta'liq Negeri-Negeri di Malaysia

Setiap negeri telah menetapkan lafaz ta'liq sepertimana yang disebut sebagai surat ta'liq. Ini bertujuan memenuhi kehendak peruntukan undang-undang keluarga Islam setiap negeri.⁶ Lafaz ta'liq ini akan dibaca atau dilafazkan oleh suami selepas upacara akad nikah. Sesetengah negeri menggunakan sehelai kertas khusus yang dikenali sebagai surat ta'liq. Ia akan dibaca oleh suami dan ditandatangani di ruang yang disediakan. Bagi negeri Kelantan, surat ta'liq sepertimana yang telah dibaca semasa akad nikah sudahpun sedia dicetak di bahagian belakang sijil nikah. Lafaz ta'liq bagi negeri-negeri di Malaysia seperti berikut;⁷

i) Lafaz Ta'liq Negeri Kelantan

"Manakala saya tinggalkan isteri saya selama empat bulan atau lebih dengan sengaja atau paksa atau saya atau wakil saya tiada memberi nafkah yang wajib kepadanya selama masa yang tersebut pada hal ia taat kepada saya atau saya menyakiti tubuh badannya atau saya tidak memperdulikannya selama empat bulan atau lebih kemudian ia mengadu kepada kadi /hakim syarak dan manakala sabit aduaninya dan ia memberi kepada kadi /hakim syarak bagi pihak saya sebanyak RM1 maka pada ketika itu tertalaklah ia dengan satu talak khul'i."

b) Lafaz Ta'liq Negeri Terengganu

"Tiap-tiap kali saya meninggalkan sekedudukan dengan isteri saya yang tersebut itu selama tempoh empat bulan dengan tiada putus-putus, sama ada saya meninggalkan akan dia atau dia meninggalkan akan saya dengan ikhtiar atau dengan terpaksa tatkala ia mengadu kepada kadi atau naib kadi dan tatkala sabit pada sisinya di atas ketiadaan sekedudukan selama itu maka tertalaklah isteri saya itu dengan satu talak."

c) Lafaz Ta'liq Negeri Pahang

"Manakala saya tinggalkan isteri saya selama empat bulan hijrah berturut-turut atau lebih dengan sengaja atau paksa dan saya atau wakil saya tiada memberi nafkah kepadanya selama masa yang tersebut pada hal ia taatkan saya atau saya melakukan sebarang mudharat kepada tubuh badannya atau kehormatannya atau harta bendanya kemudian ia mengadu kepada pihak kadi dan manakala sabit aduan-aduaninya di sisi kadi atau pengadil Mahkamah Syariah atau jamaah pengadil dan ia memberi kepada kadi bagi pihak saya RM1 maka pada ketika itu tertalaklah ia satu talak khul'i."

"Atau jika saya ghaib daripada isteri saya yang tersebut selama setahun atau lebih, jika ia mengadu kepada kadi dengan berkata ianya tiada tertunggu lagi akan saya dan manakala sabit aduan-aduaninya nescaya tertalaklah ia satu talak. Demikian lafaz ta'liq saya."

d) Lafaz Ta'liq Negeri Johor

"Manakala saya tinggalkan isteri saya selama empat bulan hijrah secara berturut-turut atau lebih dengan sengaja atau paksa dan saya atau wakil saya tiada memberi nafkah kepadanya selama masa yang tersebut pada hal ia taatkan saya atau saya lakukan sebarang mudharat kepada tubuh badannya atau

kehormatannya atau harta bendanya kemudian ia mengadu kepada kadi dan manakala sabit aduan-aduannya di sisi kadi atau Mahkamah Syariah dan ia memberi kepada kadi bagi pihak saya RM1 maka pada ketika itu tertalaklah ia dengan satu talak khul'i."

"Atau jika saya ghaib daripada isteri saya yang tersebut selama setahun atau lebih, jika ia mengadu kepada kadi dengan berkata ianya tiada tertunggu lagi akan saya dan manakala sabit aduannya nescaya tertalaklah ia satu talak. Demikianlah lafaz ta'liq saya."

e) Lafaz Ta'liq Negeri Melaka

"Tiap-tiap kali saya tinggalkan isteri saya atau tiada memberi nafkah yang layak bagi saya kepada isteri saya selama tiga bulan atau lebih, apabila mengadu ia kepada mana-mana kadi syarie dan jika sabit pengaduannya pada sisi kadi itu maka tertalaklah isteri saya dengan satu talak."

"Tiap-tiap kali saya rujuk akan isteri saya selepas disabitkan ta'liq talak itu dengan tiada relanya maka tertalaklah isteri saya dengan satu talak lagi."

f) Lafaz Ta'liq Negeri Selangor

"Tiap-tiap kali saya tiada memberi akan isteri saya akan nafkahnya yang mencukupi pada adat lamanya empat bulan atau lebih, maka bolehlah isteri saya itu mengadu kepada hakim syarak, jika ia disabitkan oleh hakim itu akan aduannya maka gugurlah talak satu."

"Dan tiap-tiap kali saya rujukkan isteri saya yang tersebut kepada nikahnya dengan ketiadaan relanya maka gugurlah pula talaknya satu."

g) Lafaz Ta'liq Negeri Perak

"Tiap-tiap kali aku tinggalkan atau tiada aku memberi nafkah yang layak bagiku akan isteriku tiga bulan atau lebih lamanya dan mengadu ia dengan mana-mana kadi syarie dan sabit pengaduannya pada sisi kadi itu maka tertalaklah isteriku itu dengan satu talak."

"Jika ada perbalahan di antara kedua aku laki isteri maka mengadu isteriku kepada mana-mana kadi syarie dan sabit pengaduannya pada sisi kadi itu, maka mengakulah aku akan berta'liq seperti yang dipersetujukan oleh kadi itu. Sekiranya ingkar aku daripada berta'liq sedemikian, maka gugurlah satu talak ke atas isteriku itu."

“Tiap-tiap kali aku rujuk akan isteriku dengan tiada relanya maka tertalaklah ia satu talak pula.”

h) Lafaz Ta'liq Negeri Kedah

“Apabila aku tinggalkan akan isteriku lamanya enam bulan dan kemudian daripada itu mengadu ia kepada kadi nikah dan sabit yang demikian itu pada sisinya maka kemudian daripada itu tertalaklah ia dengan satu talak.”

i) Lafaz Ta'liq Negeri Perlis

“Manakala saya tidak berskedudukan dengan isteri saya lamanya sebulan atau lebih dengan tidak memberi nafkah kepadanya mengikut kemampuan saya lalu mengadu ia kepada kadi , maka tertalaklah isteri saya.”

“Saya tidak boleh balun, pukul atau menyiksa atau menyakiti isteri saya dengan apa cara sekalipun yang melampaui hukum syarak atau adat. Apabila saya melakukan apa-apa perkara yang tersebut di atas dan mengadu kepada kadi dan apabila sabit pengaduan isteri saya itu pada sisi kadi, maka tertalaklah isteri saya.”⁶

j) Lafaz Ta'liq Negeri Pulau Pinang

“Manakala aku tinggalkan isteriku selama lebih daripada enam bulan dan apabila mengadu ia kepada mana-mana kadi dan sabitlah pengaduannya pada sisi kadi, maka pada ketika itu tertalaklah ia dengan satu talak.”

k) Lafaz Ta'liq Wilayah Persekutuan

“ Saya mengaku apabila saya tinggalkan isteri saya selama empat bulan Hijrah berturut-turut atau dengan sengaja atau paksaan dan saya atau wakil saya tiada memberi nafkah kepadanya selama tempoh masa yang tersebut pada hal ia taatkan saya atau saya melakukan sebarang mudarat kepada tubuh badannya, kemudian ia mengadu kepada Mahkamah Syariah , yang menerima bagi pihak saya RM 1 pada ketika itu tertalak ia dengan talak khul'i.”

l) Lafaz Ta'liq Negeri Sembilan

“Setiap kali saya meninggalkan isteri saya atau saya berpergian dan tidak diketahui sama ada saya hidup atau mati

atau saya berpergian ke tempat yang tidak membolehkan saya berhubung dengan isteri saya selama empat bulan atau lebih lalu tidak sabar ia, mengadu ia kepada kadi dan apabila sabit, maka tertalaklah isteri saya satu talak.”

2.3 Isi Kandungan Syarat-syarat Ta'liq di Malaysia

Apabila diteliti peruntukan cerai ta'liq secara terperinci bagi seluruh negeri Semenanjung Malaysia, didapati ada yang seragam dan ada yang tidak. Keseluruhannya mempunyai keseragaman dari segi peruntukan undang-undang yang menghendaki setiap suami yang bernikah berta'liq talak di hadapan juru nikah sebaik sahaja akad nikah disempurnakan. Keseragaman peraturan ta'liq sepatutnya diikuti dengan keseragaman dalam menentukan syarat-syarat ta'liq. Tetapi hakikat yang berlaku tidak sedemikian.

Dalam mematuhi peraturan yang diperuntukkan dalam Undang-undang pentadbiran Islam atau Enakmen Keluarga Islam, setiap negeri telah mengadakan syarat-syarat ta'liq sendiri yang pada umumnya berlainan antara sebuah negeri dengan negeri yang lain. Bukan sahaja lafaz-lafaz yang berlainan malahan kandungan syarat-syaratnya jauh berbeza antara satu sama lain. Ada yang panjang dan ada yang ringkas. Ada yang memadai dengan satu syarat sahaja di dalam ta'liq dan ada yang memasukkan ke dalamnya empat atau lima syarat. Berikut adalah syarat-syarat ta'liq yang terkandung dalam lafaz ta'liq setiap negeri;

Negeri Perlis mengandungi dua syarat iaitu:

- i. tidak bersekedudukan sebulan atau lebih.
- ii. menyakiti isteri yang melampaui hukum syarak dan adatnya.

Negeri Kedah memasukkan satu syarat sahaja:

- i. meninggalkan isteri enam bulan atau lebih.

Negeri Pulau Pinang juga memasukkan satu syarat:

- i. meninggalkan isteri enam bulan atau lebih (sama seperti Kedah).

Negeri Perak memasukkan empat syarat:

- i. meninggalkan isteri tiga bulan atau lebih.
- ii. tidak memberi nafkah yang layak selama tiga bulan atau lebih.
- iii. ingkar ta'liq seperti yang dipersetujui oleh kadi selepas berlaku perbalahan.
- iv. rujuk tanpa rela isteri.

Negeri Selangor pula memasukkan dua syarat:

- i. tidak memberi nafkah empat bulan atau lebih.
- ii. rujuk tanpa rela isteri.

Wilayah Persekutuan tiga syarat:

- i. meninggalkan isteri empat bulan hijrah berturut-turut atau lebih dengan sengaja atau terpaksa.
- ii. tidak memberi nafkah selama empat bulan atau lebih.
- iii. melakukan kemudaratan.

Negeri Sembilan hanya satu syarat:

- i. meninggalkan isteri selama empat bulan atau lebih.

Negeri Melaka dua syarat:

- i. meninggalkan isteri selama tiga bulan atau lebih.
- ii. rujuk tanpa rela isteri.

Negeri Johor empat syarat;

- i. meninggalkan isteri selama empat bulan atau lebih dengan sengaja atau terpaksa.
- ii. tidak memberi nafkah selama empat bulan atau lebih.
- iii. melakukan kemudharatan terhadap isteri.
- iv. ghaib selama setahun atau lebih.

Negeri Pahang tiga syarat:

- i. meninggalkan isteri selama empat bulan atau lebih dengan sengaja atau terpaksa.
- ii. tidak memberi nafkah selama empat bulan atau lebih.
- iii. melakukan sebarang kemudaratan.

Negeri Kelantan empat syarat:

- i. meninggalkan isteri empat bulan atau lebih.
- ii. tidak memberi nafkah empat bulan atau lebih.
- iii. menyakiti tubuh badan isteri.
- iv. tiada mempedulikan isteri empat bulan atau lebih.

Negeri Terengganu tiga syarat:

- i. tidak bersekedudukan lebih dari empat bulan berturut-turut dari dua belah pihak dengan ikhtiar atau terpaksa.
- ii. suami meninggalkan isteri lebih dari empat bulan berturut-turut.
iii. isteri meninggalkan suami lebih dari empat bulan berturut-turut.

Daripada lafaz-lafaz ta'liq keseluruhan negeri, secara umumnya boleh disenaraikan syarat-syarat seperti berikut:

1. Meninggalkan isteri dengan sengaja.
2. Meninggalkan isteri dengan terpaksa.
3. Tidak memberi nafkah.
4. Menyakiti tubuh badan isteri.
5. Ingkar ta'liq yang diminta oleh kadi selepas berlaku perbalahan.
6. Rujuk tanpa izin isteri.
7. Suami ghaib.
8. Isteri meninggalkan suami.

Dari keseluruhan perkara yang dita'liqkan hanya satu sahaja yang seragam, iaitu meninggalkan isteri. Walaubagaimanapun terdapat kelainan dalam menentukan tempoh masa yang ditinggalkan sehingga membolehkan isteri menuntut cerai ta'liq. Disamping berlainan tempoh terdapat juga kelainan dalam menentukan bulan sama ada bulan hijrah atau bulan masihi.

Jika dibandingkan syarat-syarat ta'liq dalam lafaz ta'liq negeri-negeri di Malaysia dengan syarat-syarat ta'liq yang dikemukakan dalam kitab-kitab fiqh

akan menampakkan perbezaan yang ketara.⁷ Hampir keseluruhan syarat ta'liq dalam sughah ta'liq negeri-negeri di Malaysia bertujuan menjaga hak dan kepentingan isteri. Sebaliknya contoh-contoh lafaz ta'liq yang disenaraikan dalam kitab fiqh tiada kepentingan sedemikian, bahkan merupakan lafaz-lafaz talak secara sopan yang hanya digantungkan dengan syarat. Ia juga merupakan suatu peringatan atau pengajaran kepada isteri agar tidak melanggar perkara yang dita'liqkan. Ini juga menggambarkan bahawa lafaz-lafaz ta'liq dalam kitab-kitab fiqh merupakan lafaz ta'liq secara sukarela dan bukannya terpaksa oleh mana-mana peraturan atau undang-undang.

Lafaz ta'liq yang terkandung dalam sughah ta'liq negeri-negeri di Malaysia merupakan lafaz ta'liq secara rasmi iaitu diperundangkan oleh Enakmen negeri masing-masing. Ia berbeza dengan lafaz ta'liq persendirian yang dilafazkan oleh suami secara sukarela. Dengan kata lain, lafaz ta'liq yang diucapkan oleh suami dalam perkahwinan terbahagi kepada dua jenis. Iaitu lafaz ta'liq secara rasmi dan lafaz ta'liq secara tidak rasmi atau persendirian. Contoh lafaz ta'liq secara rasmi adalah sebagaimana yang telah disenaraikan dalam sughah ta'liq setiap negeri. Manakala contoh-contoh lafaz ta'liq yang tidak rasmi sebagaimana yang dicatatkan dalam kitab-kitab fiqh. Kedua-duanya memberi kesan yang berbeza.

Lafaz ta'liq secara rasmi yang diperundangkan akan memberi kesan dari segi undang-undang dan akan menyebabkan jatuh talak walaupun tanpa kehendak suami. Apabila isteri memenuhi syarat-syarat sebagaimana yang tercatat dalam sughah ta'liq dan hakim mengesahkan dakwaan isteri, maka akan gugurlah talak berdasarkan lafaz ta'liq yang diucapkan oleh suami semasa akan nikah. Lafaz

ta'liq yang tidak rasmi atau dilafazkan secara persendirian oleh suami adalah lafaz ta'liq yang berlaku pada bila-bila masa dalam tempoh perkahwinan, bukan semestinya berlaku pada awal perkahwinan atau semasa akad nikah seperti lafaz ta'liq secara rasmi. Ia merupakan lafaz sukarela yang diucapkan oleh suami sama ada secara sengaja atau tidak dan digantungkan dengan syarat tertentu seperti kata suami, "Jika awak keluar rumah pada malam ini, maka awak saya ceraikan." Maka jika berlaku seperti yang diucapkan oleh suami, iaitu isteri keluar rumah, dengan sendirinya jatuh talak. Ini menunjukkan lafaz ta'liq yang diucapkan secara sukarela oleh suami bertujuan mengugut isteri atau mengajar isteri yang tidak taat kepadanya atau sememangnya suami sudah berniat untuk menceraikan isterinya.

Lafaz ta'liq persendirian oleh suami akan menyebabkan kesan secara langsung bila berlaku syarat yang dita'liqkan walaupun tanpa aduan ke mahkamah. Namun kebiasaan suami atau isteri yang terlibat, atau mana-mana pihak akan membuat aduan ke mahkamah untuk mengesahkan perceraian telah berlaku. Pihak mahkamah akan membuat penyiasatan dan membicarakan kes jika perlu. Jika disabitkan ia akan difailkan sebagai ta'liq lisan atau persendirian.

2.4 Analisa Permasalahan dalam Pelaksanaan Peruntukan Ta'liq Negeri-negeri di Malaysia

2.4.1 Ketidakseragaman Peruntukan Syarat-Syarat Ta'liq

Apabila diteliti peruntukan ta'liq seluruh negeri Semenanjung Malaysia, didapati tidak wujud keseragaman dalam menentukan lafaz-lafaz ta'liq.

Ketidakseragaman ini mengakibatkan wujudnya tanggapan negatif terhadap sistem perundangan Islam negara ini. Di samping itu juga, menyebabkan kesukaran bagi pihak mahkamah untuk mensabitkan kes bagi pasangan yang berkahwin di negeri lain dengan lafaz ta'liq yang berbeza. Negeri Kelantan ³ umpamanya, mahkamah hanya mempunyai bidangkuasa membicarakan kes dalam keadaan sedemikian bergantung kepada syarat-syarat tertentu. Seksyen 32 (1), Enakmen Keluarga Islam Negeri Kelantan 1983 mensyaratkan isteri yang suaminya tidak bermastautin di negeri Kelantan dan ditinggalkan suami, hendaklah sebelum peninggalan itu telah bermastautin atau bermukim di Kelantan. Seksyen 31 pula memperuntukkan beberapa syarat, iaitu;

- a) perkahwinan itu telah didaftarkan atau disifatkan sebagai didaftarkan di bawah Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Kelantan,
- b) perkahwinan itu mengikut hukum syarak dan,
- c) semasa permohonan cerai itu pihak-pihak itu bermukim atau bermastautin di Kelantan.

Kedua-dua seksyen tersebut telah berubah apabila berlaku pindaan kepada Enakmen Keluarga Islam Negeri Kelantan, No. 6, tahun 2002. Peruntukan seksyen 31 dipindah kepada seksyen 45, namun kandungan peruntukannya tetap sama.

Antara negeri-negeri yang menyediakan peruntukan ta'liq juga masing-masing tidak sama dalam menentukan syarat-syarat atau jenis-jenis ta'liq. Ada

yang menentukan satu syarat ta'liq sahaja dan ada pula yang memasukkan empat atau lima jenis ta'liq.

Keseluruhan negeri memperuntukan perkara meninggalkan isteri sebagai salah satu syarat dalam lafadz ta'liq. Ini menunjukkan keseragaman dalam perkara ini. Namun tempoh masa ditinggalkan suami masing-masing tidak sama. Sesetengah negeri menyebut perkataan berturut-turut dan ada pula yang tidak menyebutnya. Negeri Perlis misalnya hanya menyebut sebulan atau lebih tanpa menyebut berturut-turut hari atau tidak. Negeri Kedah menyebut enam bulan hijrah tanpa berturut-turut atau tidak. Demikian juga dengan negeri Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Pahang, Terengganu dan Kelantan menyebut ungkapan yang sama tanpa menyebut berturut-turut. Di Negeri Johor disebut selama empat bulan hijrah berturut-turut. Demikian juga dengan Wilayah Persekutuan ada disebut perkataan berturut-turut.

Tanpa menyebut perkataan berturut-turut dalam ta'liq yang melibatkan jangka masa tidak memberi nafkah atau meninggalkan isteri, akan memberi ruang untuk menuntut cerai ta'liq, secara mengumpulkan hari-hari yang berlalu di sepanjang beberapa tahun sehingga menggenapkan bilangan bulan yang disebut dalam ta'liq.

Keadaan ini bukan untuk mengurangkan perceraian ta'liq, lebih-lebih lagi bagi tempoh sebulan yang dita'liqkan. Malah akan membuka ruang yang lebih untuk isteri mengadu kepada kadi kerana menuntut cerai ta'liq.

Di samping berlainan tempoh tersebut ada lagi kelainan dalam menentukan bulan apa, hijrah atau masihi, ada yang menentukan secara khusus, bulan hijrah seperti dalam ta'liq Wilayah Persekutuan, Kedah dan Johor. Sedangkan selain dari itu tidak disebut sama ada bulan hijrah atau masihi. Jika dihalusi terdapat masalah yang akan berbangkit kerana terdapat perbezaan yang ketara di antara kedua-dua bulan tersebut. Mengikut amalan umum masyarakat Islam Malaysia, bulan masihi menjadi ukuran dalam keseluruhan amalan rasmi. Tetapi dalam keseluruhan hukum-hukum fiqh dirujuk kepada bulan hijrah.

2.4.2 Penggunaan Istilah yang Berbeza

Jika diperhatikan lafaz-lafaz ta'liq keseluruhan negeri terdapat perbezaan dari segi istilah-istilah yang digunakan. Antaranya negeri Kelantan menggunakan istilah menyakiti tubuh badan, manakala negeri-negeri lain ada yang menggunakan istilah melakukan kemudaratian seperti dalam lafaz ta'liq Wilayah Persekutuan. Negeri Pahang dan Johor menambahkan melakukan kemudaratian pada kerhormatannya atau harta bendanya. Sementara negeri Perlis memasukkan perkataan balun atau pukul atau menyiksa. Semua istilah-istilah tersebut adalah sama maknanya iaitu melakukan kemudaratian pada isteri.

Selain daripada itu, perbezaan lain adalah dari segi pemakaian istilah 'talak khul'i' atau 'talak satu'. Selain dari Kelantan yang menggunakan istilah 'talak khul'i', beberapa negeri lain seperti Johor, Pahang dan Wilayah Persekutuan juga memasukkan istilah tersebut. Manakala negeri-negeri lain

mengunakan istilah jatuh ‘talak satu’ kecuali Negeri Perlis hanya menyebut ‘talak’ sahaja.

2.4.3 Meninggalkan Isteri dengan Terpaksa

Terdapat dalam sesetengah lafaz ta’liq suami melafazkan ta’liq yang disediakan dengan menyebut: “....saya meninggalkan dengan sengaja atau terpaksa.....” Lafaz begini terkandung dalam surat ta’liq negeri Johor, Wilayah Persekutuan, Pahang, Kelantan dan Terengganu. Melalui ta’liq ini jelas menunjukkan bahawa bila berlaku sesuatu yang menyebabkan suami atau isteri dipaksa meninggalkan satu sama lain maka jatuhlah talak setelah didapati sabit di sisi kadi. Keadaan ini adalah bertentangan dengan kehendak syarak kerana syarak tidak mengambil kira perbuatan orang yang dipaksa. Oleh yang demikian suami isteri yang dipaksa meninggalkan satu sama lain tidak seharusnya mengambil peluang sehingga mereka boleh dipisahkan.

Selain dari perkara tersebut, terdapat juga di dalam lafaz ta’liq ungkapan “Sama ada saya tinggalkan dia atau dia tinggalkan saya.” Ini bererti jika isteri meninggalkan suami secara sengaja atau terpaksa, dia boleh menuntut cerai ta’liq. Ta’liq sebegini terdapat dalam surat ta’liq negeri Terengganu. Syarat ini akan memberi peluang kepada isteri untuk mendapat cerai ta’liq dengan mudah seolah-olah kuasa talak telah bertukar dari tangan lelaki kepada tangan perempuan, sedangkan hukum syarak tetap meletakkan kuasa talak di tangan lelaki kerana berbagai-bagi kepentingan.

2.4.4 Jatuh Talak Setelah Rujuk tanpa Izin Isteri

Antara kandungan lafaz ta'liq terdapat terdapat ungkapan “Dan tiap-tiap kali saya rujukkan isteri saya yang tersebut kepada nikahnya dengan ketiadaan relanya maka gugurlah talaknya satu.” Lafaz sebegini terdapat dalam syarat ta'liq negeri Perak, Selangor dan Melaka.

Lafaz ta'liq sedemikian memberi gambaran hukum bahawa merujuk isteri yang diceraikan tanpa kerelaannya tidak diharuskan. Lafaz ta'liq tersebut bukan sahaja menunjukkan tidak sah rujuk, bahkan menyebabkan jatuh lagi satu talak. Ini boleh mengakibatkan keadaan yang lebih rumit apabila tiap-tiap kali suami melafazkan hasrat untuk rujuk dan isteri menolak menyebabkan jatuh satu talak. Sedangkan niat suami ingin mengubah keadaan kepada lebih baik sebaliknya keadaan lebih buruk terjadi, iaitu daripada jatuh satu talak boleh membawa kepada jatuh dua atau tiga talak sehingga tiada harapan lagi untuk suami merujuk isterinya. Sedangkan syarak tidak mensyaratkan keizinan isteri dalam masalah rujuk. Ianya sah tanpa sebarang izin dari sesiapa. Rujuk adalah hak suami yang diberikan oleh syarak. Firman Allah s.w.t:

وَبَعْلَهُنَّ أَحَقُّ بِرَدَهِنْ فِي ذَلِكَ إِنْ أَرَادُوا إِضَلَالًا

bermaksud:

“Dan para suami berhak merujuk isteri mereka dalam masa iddah jika mereka menghendaki kebaikan (islah).”

Surah al-Baqarah (2) : 228

kebanyakan ulama berpendapat bahawa syarat-syarat yang bertentangan dengan hukum terbatal sekalipun untuk kepentingan isteri seperti mana syarat tidak boleh rujuk tanpa izin isteri, tidak boleh memaksa isteri berpindah dari kampung halaman untuk mengikut suami atau suami tidak boleh berkahwin lain.
Ini kerana ianya bertentangan dengan hak-hak yang telah ditentukan oleh Allah s.w.t dan juga bertentangan dengan maksud perkahwinan secara umum. Sekiranya syarat itu disebutkan dalam akad nikah, syarat itu terbatal manakala akad tetap sah tetapi maharnya bertukar kepada *mahr al-mithl*. Di antara dalil yang digunakan adalah sabda Rasulullah s.a.w:⁸

كُلُّ شَرْطٍ خَالِفٍ لِكِتَابِ اللَّهِ فَهُوَ بَاطِلٌ وَإِنْ إِشْرَطَ مَا نَهَى شَرْطٌ

bermaksud:

“Apa juga syarat yang tidak mengikut kitab Allah s.w.t adalah terbatal (rosak) sekalipun seratus syarat. Ketentuan yang ditetapkan Allah s.w.t itu adalah benar dan syarat Allah s.w.t adalah lebih kukuh dan kuat (untuk diikuti).”

Dalam masalah ini kita perlu memahami di antara hak suami dan hak Allah s.w.t. Seorang suami boleh sama ada ingin merujuk atau tidak isterinya yang masih di dalam iddah *raj'i*. Itu adalah hak suami atau isteri untuk menentukannya. Tetapi apabila berlaku rujukan sama ada diterima atau tidak ia bukan hak suami atau isteri sebaliknya ia adalah hak Allah s.w.t. Allah s.w.t telah menetapkan bahawa suami berhak merujuk isterinya dan rujukannya adalah sah selama mana ia masih dalam iddah *raj'i* sekalipun tanpa kerelaan isteri.

Ini bererti syarat ta'liq suami rujuk tanpa izin isteri menyebabkan jatuh talak adalah bertentangan dengan peraturan yang telah ditetapkan oleh Allah s.w.t dan tentunya syarat seperti itu tidak terpakai dan terbatal dengan sendirinya. Ini

kerana suami tidak mempunyai kuasa untuk mengubah hukum Allah. Mengikut hukum seorang isteri wajib menerima rujukan suami dalam tempoh suami berhak merujuk. Kedudukannya samalah dengan seorang suami boleh menceraikan isteri pada bila-bila masa dalam tempoh ia masih suami kepada isterinya itu. Hukum sama ada jatuh talak atau sahnya rujuk adalah hak Allah s.w.t dan tiada siapa boleh mengubahnya.

2.4.5 Jatuh Cerai Ta'liq atau Khulu'

Dalam Lafaz ta'liq yang dibaca oleh suami tercatat bahawa apabila suami melanggar syarat-syarat ta'liq maka tertalaklah isteri dengan satu talak 'khul'i'. Pemasukan istilah 'khul'i' boleh mengelirukan kerana di antara talak dan khulu' terdapat perbezaan pada kesan hukumnya. Perkataan 'khul'i' adalah berasal dari perkataan *khulu'* dalam Bahasa Arab yang bererti tebus talak. Ia adalah salah satu dari jenis talak *bain sughra* yang mana suami isteri yang telah bercerai tidak boleh merujuk semula kepada nikah. Perceraian melalui khulu' mensyaratkan isteri membuat bayaran kepada suami. Oleh kerana di dalam lafaz ta'liq mensyaratkan isteri membayar satu ringgit kepada kadi bagi pihak suami maka jatuhlah talak khul'i.⁹ Berbeza dengan talak atau talak ta'liq, ia boleh dirujuk oleh suami dalam masa iddah.

Tujuan lafaz khul'i dimasukkan dalam dalam lafaz ta'liq adalah untuk mengelakkan suami daripada rujuk kembali bekas isterinya. Dengan ini dapat mengelakkan penganiayaan ke atas isteri yang tidak tahan dengan sikap suami yang melanggar ta'liq. Sekiranya lafaz khul'i ini tidak dimasukkan, ada

kemungkinan bekas suami akan merujuk semula bekas isterinya kerana syarak membenarkan suami merujuk semula bekas isterinya dalam masa iddah walaupun tanpa persetujuan isteri.

Pada asalnya mengikut hukum, rujuk adalah hak mutlak suami sebagaimana *mafhum* dari firman Allah s.w.t:

وَنَعْلَمُ أَحَقَّ بِرِزْقِهِنَّ فِي ذَلِكَ إِنَّ أَرَادُوا إِصْلَاحًا

bermaksud:

"Dan suami-suami mereka lebih berhak merujukkan mereka semula jika semuanya ingin mencapai kedamaian."

Surah al-Baqarah (2) : 228

Dalam ayat ini jelas menunjukkan kuasa rujuk adalah hak mutlak suami. Walaupun demikian, berdasarkan matlamat menjaga kemaslahatan isteri mahkamah mensyaratkan isteri membuat bayaran kepada mahkamah bagi pihak suami untuk disabitkan jatuh talak khul'i. Ini diharuskan dan tidak bertentangan dengan kehendak syarak kerana jika tidak berbuat demikian kemungkinan perbuatan menganiayai isteri seperti dalam syarat-syarat ta'liq akan berulang kembali. Selain daripada itu ia bertujuan untuk mengelakkan isteri dari bebanan akibat terpaksa menanggung iddah yang panjang. Jika berlaku juga suami ingin bersatu dengan isteri selepas perceraian secara talak khul'i, mereka boleh berkahwin semula dengan akad nikah baru.

EKINK No. 1, 1983 memperuntukkan seksyen 112, berkaitan dengan rujuk tanpa izin isteri. Dalam hal ini suami boleh dikenakan denda tidak lebih

seribu ringgit atau penjara tidak lebih dari enam bulan atau kedua-duanya sekali. Peruntukan ini dikhkusus bagi perceraian secara ta'liq sepermula yang telah dijelaskan sebelum ini. Manakala bagi kes-kes perceraian biasa , mahkamah tetap akan mensabitkan rujuk mengikut hukum syarak. Peruntukan ini telah dimansuhkan apabila berlaku pindaan kepada EKINK, no 6, tahun 2002.

2.4.6 Ingkar Ta'liq Menyebabkan Gugur Talak

Di antara syarat-syarat ta'liq memang terdapat syarat yang pelik dan unik. Contohnya lafaz ta'liq negeri Perak yang memasukkan syarat ingkar berta'liq menyebabkan gugur talak. Dalam lafaz ta'liq negeri Perak dapat difahami apabila berlaku perbalahan antara suami isteri, lalu isteri mengadu kepada hakim dan disabitkan berlaku perbalahan, maka hakim akan mengarahkan suami melafazkan ta'liq yang lain mengikut budi bicaranya. Sekiranya suami ingkar berbuat demikian, maka jatuh satu lagi talak.

Lafaz ta'liq begini akan menambahkan bebanan ke atas suami. Ini seolah-olah berlaku ta'liq di atas ta'liq. Jika suami mengikut saja lafaz ta'liq yang baru disediakan oleh hakim, sudah tentunya ikatan perkahwinannya dalam keadaan tergantung. Jika berlaku lagi perkara yang telah dita'liqkan, maka gugur lagi talak. Syarat sedemikian tidak sepatutnya termasuk diantara syarat-syarat ta'liq yang dilafazkan selepas akad nikah.

2.4.7 Lafaz Ta'liq Semasa Akad Nikah Paksaan ke Atas Suami

Apa yang berlaku sehingga hari ini setiap pasangan yang berkahwin, suami akan melafazkan ta'liq. Persoalannya apakah lafaz ta'liq itu dilakukan secara sukarela atau terpaksa. Keseluruhan negeri di Malaysia melaksanakan peraturan ini. Ini menunjukkan seolah-olah merupakan suatu kemestian yang merupakan suatu paksaan. Suami tidak ada pilihan sama ada untuk berta'liq atau tidak. Ini berlaku kerana juru nikah diarah dan dimestikan oleh peraturan yang wujud. Suami pula berada dalam keadaan semua hadirin tertumpu kepadanya dalam majlis akad. Keadaan ini menyebabkan suami berada dalam paksaan untuk berta'liq.

Dalam EKINK tidak ada peruntukan yang menunjukkan bahawa ta'liq itu wajib dilafazkan oleh suami selepas akad nikah. Seksyen 21 (6) memperuntukkan:

“Ketua Pendaftar hendaklah juga , selepas dibayar bayaran yang ditetapkan, mengeluarkan suatu sighah ta'liq jika suami melafazkan dalam borang 3F kepada tiap-tiap pihak bagi perkahwinan itu.”

Seksyen 26(2), {Pindaan EKINK, No.6, (Tahun 2002)}, memperuntukkan;

“Pendaftar hendaklah juga, selepas dibayar fi yang ditetapkan, mengeluarkan satu surat perakuan ta'liq dalam borang yang ditetapkan kepada tiap-tiap satu pihak bagi perkahwinan itu.”

Peruntukan ini tidak mempunyai unsur paksaan terhadap suami. Perkataan “jika suami melafazkan” bermaksud suami tidak diwajibkan melafazkan ta'liq, malah beliau boleh memilih untuk berta'liq atau menolaknya. Beberapa negeri yang lain juga memperuntukan tentang suami dikehendaki berta'liq sebaik sahaja selesai akad nikah. Wilayah persekutuan contohnya

memperuntukkan perkara ini dalam seksyen 26(2) Undang-undang Keluarga Islam.¹⁰

Negeri Selangor dan Pulau Pinang juga memperuntukkan perkara yang sama. Terengganu memperuntukkan dalam seksyen 20 (1) Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Terengganu.¹¹ Johor memperuntukkan dalam seksyen 22 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Johor.¹² Negeri Pahang pula memperuntukkan dalam seksyen 63 Enakmen Pentadbiran Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang tahun 1982.¹³

Daripada peruntukan-peruntukan tersebut tidaklah menampakkan suatu bentuk paksaan ke atas suami dari segi undang-undang. Ini kerana tidak ada hukuman atau denda yang dikenakan jika suami menolak dari berta'liq. Cuma bagi juru nikah sama ada imam atau kadi atau pendaftar ditugaskan untuk menyediakan lafadz ta'liq untuk suami untuk dibaca atau dilafazkan selepas akad nikah. Kemungkinan bentuk paksaan yang boleh terjadi adalah paksaan pada adat. Contohnya suami akan berada dalam suasana tertekan dan terpaksa melafazkan ta'liq dalam majlis akad nikah yang dihadiri oleh orang ramai serta berhadapan dengan imam atau kadi yang disegani. Dalam suasana ini, suami akan dibendung oleh perasaan serba salah atau malu untuk menolak dari berta'liq.

2.5 Tuntutan Cerai Ta'liq yang ditetapkan oleh Enakmen Keluarga Islam Negeri Kelantan, No. 1 (Tahun 1983)

Enakmen Keluarga Islam Negeri Kelantan, No. 1 (Tahun 1983), telah dipinda kepada Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri Kelantan, No. 6,

(Tahun 2002). Hampir keseluruhan peruntukan berkaitan ta'liq adalah sama, kecuali berlaku perubahan dari segi kedudukan seksyen. Pengertian ta'liq seperti yang ditakrifkan oleh seksyen 2(1), Bahagian 1, EKINK adalah sepetimana yang diberi dalam seksyen 1(2), Bahagian 1, Enakmen Pentadbiran Mahkamah Syariah Negeri Kelantan, No. 3 (Tahun 1982), iaitu diertikan sebagai lafaz yang diucapkan oleh suami yang mengakibatkan jatuhnya talak terhadap isteri apabila berlakunya sesuatu perkara atau perbuatan. Manakala seksyen 2(1), Bahagian 1, Enakmen Undang-undang Keluarga Islam, No.6 (Tahun 2002), diertikan sebagai lafaz perjanjian yang dibuat oleh suami selepas akad nikah mengikut hukum syarak dan peruntukan enakmen.

Takrifan yang dibuat oleh enakmen adalah umum. Ia merangkumi kedua-dua jenis ta'liq iaitu ta'liq secara persendirian dan ta'liq yang ditetapkan oleh undang-undang. Ini dapat dilihat dalam takrifan tersebut iaitu maksud “apabila berlakunya sesuatu perkara” adalah dikhkususkan kepada ta'liq persendirian iaitu apa sahaja perkara yang dita'liqkan oleh suami. Manakala perkataan “apabila berlakunya perbuatan” dikhkususkan kepada ta'liq yang ditetapkan oleh undang-undang kerana isi kandungan dalam ta'liq tersebut semuanya berkaitan dengan perbuatan suami yang disebutkan sebagai syarat-syarat semasa berta'liq dalam upacara akad nikah. Semasa melafazkan ta'liq suami seolah-olah berjanji dengan dirinya sendiri dan disaksikan oleh semua orang yang hadir dalam majlis akad nikah tersebut.

Isteri-isteri yang menghadapi tekanan akibat berlaku pelanggaran ta'liq oleh suami boleh membuat tuntutan cerai ta'liq di Mahkamah-mahkamah Syariah

seluruh negeri Kelantan. Jenis jenis tuntutan yang boleh dipohon adalah sebagaimana yang ditetapkan oleh EKINK bil. 1, 1983 iaitu sebagaimana yang terkandung lafaz ta'liq yang dibaca atau dilafazkan oleh suami semasa akad nikah.

3

Daripada kandungan siahah ta'liq negeri Kelantan, terdapat empat jenis tuntutan yang boleh dipohon oleh isteri apabila syarat-syarat yang disebutkan benar-benar berlaku atau dilanggar seperti suami meninggalkan isteri, tidak memberi nafkah atau memudarangkan isteri. Pelanggaran syarat-syarat tersebut beserta dengan bukti-bukti dan keterangan-keterangan yang cukup merupakan perkara penting yang perlu dipenuhi sebelum disahkan atau disabitkan sesuatu tuntutan. Tuntutan yang boleh dibuat adalah mengikut syarat-syarat yang disebutkan dalam lafaz ta'liq iaitu seperti berikut;

- i. Tuntutan ta'liq tinggal
- ii. Tuntutan ta'liq tidak memberi nafkah
- iii. Tuntutan ta'liq menyakiti tubuh badan
- iv. Tuntutan ta'liq tidak peduli

Tuntutan ta'liq tinggal boleh di pohon oleh isteri yang ditinggalkan suami tanpa khabar berita dalam tempoh empat bulan atau lebih. Alasan yang terkandung dalam ta'liq tinggal lebih umum berbanding dengan ta'liq tidak ber nafkah dan ta'liq tidak peduli. Ianya sudahpun merangkumi kedua-dua jenis ta'liq tersebut. Ini kerana apabila suami meninggalkan isteri melebihi tempoh empat-bulan tanpa khabar berita secara sendirinya dia tidak memberi nafkah dan tidak bersekedudukan dengan isteri.

Tuntutan ta'liq tidak beri nafkah, alasannya agak sempit kerana adakalanya suami masih tinggal bersama isteri tetapi tidak pernah memberi nafkah, sama ada nafkah zahir atau batin. Kebiasaannya kes ta'liq tidak beri nafkah jarang dituntut oleh isteri jika suami masih tinggal bersama. Begitu juga bagi kes ta'liq tidak peduli, ianya boleh dituntut oleh isteri apabila suami tidak mempedulikan isteri seperti tidak bertanya khabar, tidak memberi nafkah dan tidak sekedudukan dengan isteri. Dalam keadaan ini isteri masih boleh membuat tuntutan cerai ta'liq walaupun suami tinggal bersama.

Bagi tuntutan ta'liq menyakiti tubuh badan, isteri yang terbabit memang mempunyai keterangan dan bukti yang jelas berdasarkan laporan doktor atau kesan-kesan pukulan yang ada. Dalam hal ini suami sememangnya berada bersama isteri. Ianya akan mudah disabitkan jika suami mengaku berbuat demikian.

Selain membuat tuntutan cerai ta'liq menyakiti tubuh badan isteri, isteri juga boleh memohon mahkamah mensabitkan suami di bawah kesalahan matrimoni tertinggi prosedur jenayah mengikut seksyen 108, EKINK Bil. 1 1983, (Pindaan, seksyen 128(1), EKINK tahun 2002), iaitu kesalahan menganiayai isteri yang boleh dikenakan hukuman denda tidak lebih dari RM1,000 atau penjara tidak lebih dari enam bulan atau kedua-duanya sekali. Namun peruntukan ini jarang sekali digunakan oleh isteri-isteri yang berkenaan untuk mensabitkan kesalahan yang dilakukan oleh suami mereka.

Bagi pasangan suami isteri yang berkahwin di negeri lain dan isteri telah bermukim atau bermastautin di negeri kelantan masih boleh membuat tuntutan cerai ta'liq mengikut lafaz ta'liq yang diucapkan oleh suami semasa mereka berkahwin. Oleh kerana itu Mahkamah Syariah Kota Bharu juga menerima aduan daripada isteri-isteri yang telah berkahwin di negeri lain dan menetap di Kelantan. Ekoran daripada itu, terdapatnya tuntutan kes-kes ta'liq seperti ta'liq suami ghaib dan ta'liq tidak sekedudukan, sedangkan kedua-duanya tidak terdapat dalam syarat-syarat ta'liq negeri Kelantan.¹⁴

Ini bererti bagi isteri-isteri yang kehilangan suami dan tidak mengetahui sama ada masih hidup ataupun telah mati boleh membuat tuntutan cerai ta'liq suami ghaib. Tuntutan ini hanya boleh dibuat oleh pasangan yang berkahwin dengan bersertakan lafaz ta'liq yang mengandungi syarat tersebut. Walaupun syarat tersebut tidak terkandung dalam lafaz ta'liq negeri Kelantan. Contohnya seperti yang berlaku dalam kes *Naimah bt. Mahmood lawan Isa bin Abdullah*.¹⁵ Dalam kes ini pasangan YM dan YKT telah berkahwin di Johor dan melafazkan ta'liq negeri Johor. Dalam lafaz ta'liq negeri Johor mengandungi syarat 'suami ghaib' selama setahun atau lebih'. Oleh kerana YM menetap di Kelantan, maka YM telah memohon kepada Mahkamah Syariah Kota Bharu membicarakan kes tersebut. Setelah kes dibicarakan, mahkamah telah mensabitkan jatuh talak atas alasan 'suami ghaib' berdasarkan ucapan ta'liq yang pernah dilafazkan oleh YKT.

Walaupun Lafaz ta'liq negeri Kelantan tidak mengandungi syarat 'suami ghaib', Isteri boleh membuat tuntutan perakuan anggapan mati dari mahkamah apabila berlaku kes suami ghaib lebih daripada tujuh tahun. Ini bertujuan

membolehkannya berkahwin lain.¹⁶ Tuntutan ini berlainan dengan tuntutan cerai ta'liq suami ghaib. Tempoh untuk mensabitkan tuntutan ta'liq suami ghaib lebih singkat berbanding tuntutan anggapan mati.

3

Bagi kes suami tidak bersekedudukan dengan isteri, walaupun suami masih memberi nafkah dan tinggal bersama isteri, isteri berhak membuat tuntutan ta'liq tidak sekedudukan. Ini menunjukkan maksud bersekedudukan adalah bersama atau melakukan persetubuhan dengan isteri.¹⁷ Tuntutan cerai ta'liq tidak sekedudukan dapat dirujuk dalam kes *Syam Sarah lawan Kasim*.¹⁸ Pasangan YM dan YKT dalam kes ini telah berkahwin di Thailand dengan lafaz ta'liq semasa akad nikah di sana. Mereka kemudiannya balik menetap di Kelantan. YM telah memohon kepada mahkamah mensabitkan cerai mengikut lafaz ta'liq yang pernah dilafazkan oleh YKT. Mahkamah telah mensabitkan cerai ta'liq mengikut lafaz ta'liq YKT walaupun tanpa kehadirannya.

2.6 Ta'liq Lisan Atau Persendirian

Ta'liq persendirian atau ta'liq lisan adalah ta'liq yang dilafazkan oleh suami selain dari lafaz ta'liq yang ditetapkan dalam syarat-syarat ta'liq semasa akad nikah. Lafaz ta'liq persendirian biasanya dilafazkan oleh suami sama ada secara sengaja iaitu dengan pilihannya sendiri atau tidak sengaja. Keperluan kepada ta'liq sebegini mungkin untuk memperbaiki perangai isteri yang tidak menyenangkan atau memang bertujuan menceraikan isterinya secara ta'liq. Selepas ucapan ta'liq dilafazkan, ia tidak boleh ditarik balik. Ini bermakna ta'liq dan talak adalah sama dan yang berbeza adalah masa gugurnya talak.

Seksyen 22(1), EKINK (tahun 2002), memperuntukkan;

“Selepas sahaja akad nikah sesuatu perkahwinan dilakukan, pendaftar hendaklah mencatatkan butir-butir yang ditetapkan dan ta’liq yang ditetapkan atau ta’liq lain bagi perkahwinan itu di dalam daftar perkahwinan.”

Ini menunjukkan, selepas akad nikah suami boleh memohon untuk menambah syarat ta’liq lain selain yang ditetapkan oleh enakmen. Perceraian secara ta’liq persendirian atau ta’liq lisan boleh dipohon sama ada oleh suami sendiri atau isteri. Tuntutan ta’liq persendirian dibuat bertujuan untuk mengesahkan sama ada jatuh talak atau tidak. Ia disebut ‘tuntutan pengesahan ta’liq’. Tidak semua kes yang dituntut disahkan jatuh talak oleh hakim. Kadang-kala tuntutan dibuat bertujuan untuk menyucikan ikatan perkahwinan daripada keraguan sama ada gugur talak atau tidak contohnya dapat dilihat dalam *kes Nora bt. Nawawi lawan Ahmad Zamri*.¹⁹ Mahkamah mengesahkan bahawa talak tidak jatuh dalam kes ini. Tetapi tindakan YM membuat aduan di Mahkamah adalah untuk membersihkan ikatan perkahwinan dari keraguan sama ada jatuh talak atau pun tidak.

2.7 Kesan Tuntutan Cerai Ta’liq Terhadap Ikatan Perkahwinan

Penyempurnaan ta’liq boleh berlaku apabila suami meninggalkan isteri, tidak memberi nafkah, menyakiti tubuh badan dan mengabaikan atau tidak memperdulikan isteri. Sebab-sebab lain adalah berlakunya ta’liq secara lisan, suami ghaib atau suami tidak bersekedudukan.

Apabila berlaku perkara tersebut, terpulanglah kepada isteri sama ada ingin mengekalkan ikatan perkahwinan atau bercerai. Bagi isteri yang sanggup bersabar dan cuba mempertahankan ikatan perkahwinan akan berusaha mencari

jalan penyelesaian yang lain. Tetapi jika sebaliknya, akan membuat aduan di mahkamah untuk menuntut cerai ta'liq. Ini adalah seperitmana yang difahami dari peruntukan dalam seksyen 37 (1) EKINK 1983,(pindaan, seksyen 50(1), No.6, tahun 2002);

3

"Seseorang perempuan yang bersuami boleh, jika berhak mendapat perceraian menurut syarat-syarat ta'liq yang dibuat apabila berkahwin, memohon kepada mahkamah untuk menetapkan bahawa perceraian yang demikian telah berlaku."

Berdasarkan Enakmen ini, dapat difahami bahawa sekiranya isteri tidak membuat permohonan kepada mahkamah, perceraian tersebut tidak akan berlaku dan mereka tetap menjadi suami isteri walaupun suaminya telah meninggalkannya tanpa memberi nafkah atau memukulnya atau tidak mempedulikannya. Pilihan terletak di tangan isteri.

Setelah permohonan dibuat oleh isteri, tidak bererti jatuh talak dengan segera tanpa soal siasat terlebih dahulu. Mahkamah akan memeriksa permohonan itu dan akan membuat penyiasatan tentang benar atau tidak perkara tersebut telah berlaku. Setelah berpuas hati dengan keterangan dua orang saksi barulah mahkamah akan mensabitkan berlaku perceraian. Seterusnya perceraian akan didaftarkan. Perkara ini telah diperuntukkan dalam seksyen 37 (2) EKINK 1983, (pindaan, seksyen 50(2), No.6, tahun 2002);

"Mahkamah hendaklah memeriksa permohonan itu dan membuat suatu penyiasatan mengenai sahnya perceraian itu dan jika berpuas hati bahawa perceraian itu adalah sah mengikut hukum syarak hendaklah mengesahkan dan merekodkan perceraian itu dan menghantar satu salinan rekod itu yang diperakui kepada pendaftar yang berkenaan dan kepada Ketua Pendaftar untuk didaftarkan."

Bagi kes-kes ta'liq lisan atau ta'liq persendirian, apabila ternyata berlaku perkara yang dita'liqkan oleh suami jatuhlah talak serta merta. Tetapi untuk kepastian perkara ini perlu dirujuk kepada mahkamah bagi mengesahkan perceraian telah berlaku atau tidak.

3

Apabila hakim mensabitkan perceraian itu sah, maka akan didaftarkan dan sijil cerai akan dikeluarkan. Sebelum membuat keputusan hakim akan memanggil kedua-dua pihak untuk menyiasat sama ada benarkah suami telah melafazkan ta'liq seperti yang didakwa oleh isteri. Jika benar berlaku, maka hakim akan menjatuhkan talak satu ke atas isteri. Sebenarnya dalam hal ini talak sudah pun jatuh sebaik sahaja berlaku perkara yang dita'liqkan oleh suami.

Peruntukan seksyen 37 (1) dan (2) EKINK 1983 sememangnya memberi kesan positif kepada isteri-isteri yang terpaksa menanggung kesengsaraan akibat sikap suami yang tidak bertanggungjawab. Dengan adanya peruntukan ini, boleh membebaskan wanita dari kemelut rumah tangga. Namun bagi wanita yang sengaja mengambil peluang akibat kelemahan suami seperti suami gagal memberi nafkah kerana tidak mampu atau terpaksa meninggalkan isteri kerana sebab-sebab yang munasabah, tentulah berlaku perkara sebaliknya iaitu penganiayaan terhadap suami.

Kesan jangka panjang yang akan berlaku kepada isteri-isteri yang terpaksa bercerai dengan suami adalah sepertimana kesan perceraian secara umum. Contohnya akan berlaku kesukaran atau bebanan yang lain pula sepertimana yang berlaku kepada ibu-ibu tunggal. Iaitu susah payah untuk mencari nafkah bagi

menanggung perbelanjaan dan keperluan keluarga, terpaksa menghadapi tohmahan masyarakat sebagai seorang janda dan sebagainya sehingga membawa kepada kemungkinan wujudnya masalah sosial yang lain.

Kesimpulan

Syariat Islam pada asalnya memberi kuasa kepada suami untuk melafazkan cerai sama ada secara langsung atau secara ta'liq. Bezanya lafaz cerai secara ta'liq bagi seorang suami mempunyai maksud-maksud yang khusus. Antara kepentingan cerai ta'liq bagi seseorang suami adalah sebagai memberi pengajaran kepada isteri yang ingkar agar tidak melakukan sesuatu yang tidak disukai dan bukan bertujuan bercerai. Contoh lafaz ta'liq dalam kebanyakan kitab fiqh jelas membuktikan perkara tersebut.

Keperluan cerai ta'liq hampir sama dengan keperluan talak itu sendiri. Ianya tidak boleh dipergunakan dengan sewenang-wenangnya melainkan setelah benar-benar talak itu diperlukan dan sudah tidak ada cara lain untuk menyelesaikan masalah rumahtangga melainkan dengan talak. Begitu juga dengan cerai ta'liq. Cuma talak itu tergantung sahaja menunggu masa untuk gugur apabila tiba masanya ia akan gugur dengan sendiri setelah syarat-syarat yang di sebut dalam ta'liq berlaku.

Peraturan melafazkan ta'liq selepas upacara akad nikah seperti yang berlaku sekarang secara umumnya tidak menampakkan kepentingan kepada pihak suami. Bahkan merupakan lafaz-lafaz yang mengikat pihak suami dengan

bebagai-bagai ikatan. Mereka tidak boleh meninggalkan isteri dalam tempoh-tempoh tertentu tanpa memberi nafkah, tidak boleh memukul isteri, tidak boleh mengabaikan isteri dan sebagainya. Cerai ta'liq adalah salah satu jalan perceraian secara sopan, seolah-olah menyerahkan perkara cerai kepada pihak isteri atau takdir.

Pihak yang terlibat secara langsung dalam menyelesaikan masalah yang wujud di antara suami-isteri adalah pihak mahkamah syariah setiap negeri. Dengan wujudnya peruntukan cerai ta'liq sedikit sebanyak akan memudahkan pihak mahkamah untuk menyelesaikan masalah yang berbangkit dari masalah-masalah rumah tangga. Penguatkuasaan peruntukan cerai ta'liq juga akan mengurangkan beban pihak berkenaan dalam hubungan menerima pengaduan-pengaduan dari pasangan yang bermasalah dalam rumah tangga mereka. Kemudahan bagi pihak mahkamah menguruskan tugas berkaitan perceraian tidak ada kena mengena dengan penguatkuasaan undang-undang ta'liq kerana tujuan asal peruntukan tersebut adalah untuk menjaga maslahah isteri bukan memudahkan mahkamah. Jika disamping itu menjadi kebetulan kerja-kerja di mahkamah menjadi mudah, memang ada baiknya. Walaupun berbagai tanggapan tentang peranan dan tugas mahkamah dalam menyelesaikan kes-kes ta'liq, pihak mahkamah tetap juga menjalankan tugas-tugas mereka seperti biasa tanpa ada sebarang sangkut paut dengan peruntukan cerai ta'liq. Bukan semua kes cerai ta'liq mudah diselesaikan. Kadang-kadang mahkamah terpaksa menghadapi berbagai-bagai masalah. Jadi ini membuktikan bahawa tanggapan bahawa pihak mahkamah hanya ingin meringankan tugasnya adalah tidak benar.

Tujuan utama peruntukan tersebut adalah untuk menjaga kepentingan isteri. Ini terbukti apabila kes-kes tuntutan cerai ta'liq tetap menjadi pilihan isteri-isteri yang berkenaan berbanding dengan tuntutan fasakh kerana ia sukar untuk disabitkan. Walaupun kepentingan isteri nampak tidak terbela namun dalam keadaan-keadaan tertentu yang mendesak ia masih berguna dan membantu menyelesaikan masalah kerana pihak mahkamah juga mengambil kira kepentingan banyak pihak sebelum menjatuhkan hukuman dan bukannya dengan mudah membuat keputusan. Ia memerlukan kepada proses dan prosedur yang kemas dan teratur.

Tidak dinafikan disamping kebaikan sesuatu perkara itu ada kekurangannya. Begitu juga dengan peraturan atau peruntukan ta'liq yang ditetapkan mengandungi kelemahan dan kekurangan yang tidak sepatutnya berlaku. Namun untuk mengutuk atau menghapusnya adalah suatu tindakan yang tidak wajar dan terburu-buru. Perkara yang baik harus dikekalkan dan yang lemah sepatutnya diperbaiki. Untuk tujuan itu satu usaha yang serius dari pihak berkenaan perlu untuk memperkemaskan peruntukan tersebut. Perkara yang penting adalah dengan cara menseragamkan peruntukan syarat-syarat yang sesuai dan menghapuskan beberapa syarat yang jelas bertentangan dengan kehendak syarak seperti syarat 'rujuk tanpa izin isteri', 'ingkar berta'liq selepas perbalahan' serta syarat 'isteri meninggalkan suami dengan sengaja' mengugurkan talak.

¹ Temubual dengan Hj. Muhammad Lutpi bin Hj. Nor, Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Kota Bharu, 3 hb. Februari 2002, 11.30 pagi. Dr. Mahmood Zuhdi Abdul Majid (1989), *Undang-undang Keluarga Islam; Konsep Dan Pelaksanaannya Di Malaysia*, C.I. Kuala Lumpur: Percetakan FS Sdn. Bhd. h.146.

² Lafaz ta'liq Negeri Kedah. Lihat h.78.

Temubual dengan Hj. Muhammad Lutpi bin Hj. Nor, Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Kota Bharu, 3 hb. Februari 2002, 11.30 pagi.

³ Hj. Hassan Bin Hj. Salleh (1991), *Al-Qawaid al-Fiqhiyyah*, C. 4. Kelantan: Pustaka Aman Press, h.139.

⁴ Contohnya negeri Kelantan di bawah seksyen 37(1) dan (2), Enakmen Keluarga Islam Negeri Kelantan Bil.1, 1983, (Pindaan, seksyen 50 (1) dan (2), No.6, 2002), Seksyen 26(2), Akta Undang-undang Keluarga Islam Wilayah Persekutuan 1984, Seksyen 63, Enakmen Pentadbiran Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang 1982, Seksyen 122(5), Undang-undang Pentadbiran Ugama Islam Perak 1965.

⁵ Lafaz ta'liq negeri-negeri di Malaysia disiarkan dalam Majalah Al-Islam, Julai 1996. Sumber didapati dari Jabatan Agama Islam negeri-negeri.

⁶ Lafaz ta'liq Negeri Perlis telah dimansuhkan setelah berkuatkuasanya pindaan Enakmen Pentadbiran Undang-undang Keluarga Islam Perlis 1992.

⁷ Lihat hal. 20-21.

⁸ Ahmad bin 'Ali bin Hajar al-'Asqalānī (1989), *Fath al-Bārī*, J 5 C.1. Beirut: Dār al-Kutub al-Ilmiyah, h.443. Lihat Lukman Abdul Mutalib (1999), Kertas Kerja Seminar Hukum Islam Semasa II Peringkat Kebangsaan, Jabatan Fiqh Dan Usul Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, h.11.

⁹ Bayaran tebus talak bagi Wilayah Persekutuan telah ditambah dari RM1 kepada RM10.

¹⁰ Seksyen 26 (2), Akta Undang-undang Keluarga Islam Wilayah Persekutuan 1984.

"Pendaftar hendaklah juga, selepas dibayar fee yang ditetapkan mengeluarkan satu surat perakuan ta'liq dalam borang yang ditetapkan kepada tiap-tiap satu pihak bagi perkahwinan itu."

¹¹ Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Terengganu 1986

¹² Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Johor 1982.

¹³ Seksyen 63, Enakmen Pentadbiran Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang 1982.

"Selepas sahaja perkahwinan itu maka hendaklah pengantin lelaki membuat ikrar lafaz ta'liq, dan kedua-dua pengantin lelaki dan perempuan hendaklah menandatangani borang lafaz ta'liq yang disediakan."

¹⁴ Seksyen 37 Enakmen Keluarga Islam Negeri Kelantan Bil. 1 tahun 1983.

¹⁵ Kes Mal, Mahkamah Syariah Kota Bharu, Bil. T.163/98.

¹⁶ Perkara ini telah termaktub dalam seksyen 41(1) EKINK, (Pindaan seksyen 54(1), No. 6, tahun 2002), yang memperuntukkan bahawa mahkamah berhak mengeluarkan perakuan anggapan mati setelah mendapat keterangan dan bukti-buktinya yang cukup menunjukkan isteri tidak mendapat khabar berita dari suami melebihi tujuh tahun.

¹⁷ Tuntutan ini juga hanya boleh dipohon oleh isteri yang berkahwin di negeri lain dengan lafaz ta'liq negeri tempat berlakunya perkahwinan kerana syarat ta'liq sedemikian tidak terkandung dalam lafaz ta'liq negeri Kelantan.

¹⁸ Jurnal Hukum , J.VI. Bhg.1.September 1998, h.136.

¹⁹ Jurnal Hukum, J.VII.Bhg 1. Mac 1990, h.105.